



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Negeri Sembilan

ACADEMY OF LANGUAGE STUDIES

Edition: 15/2025

APB REMBAU E-BULLETIN

EDITORIAL BOARD

PATRON

Prof. Dr. Yamin Yasin

COORDINATOR

Prof. Madya Dr Norwati Hj
Roslim

CHIEF EDITOR

Assoc. Prof. Dr. Soo Kum Yoke,
Carolyn

EDITORIAL COMMITTEE

Khairon Nisa Shafeei
Shahrul Muhazad Shahrudin
Nadiah Yahyauddin

e-ISSN: 2682-776X

DI SEBALIK KEBEBASAN BERSUARA: TANGGUNGJAWAB YANG TERLUPA

Ditulis oleh: Muhammad Azril Bin Roslan

Perkara 10(1)(a) Perlembagaan Persekutuan Malaysia dengan jelas memperuntukkan hak setiap warganegara untuk menyuarakan pendapat dan meluahkan pandangan secara bebas. Namun, kebebasan ini tidak boleh dijadikan alasan untuk membenarkan penyebaran kebencian, maklumat tidak sahih, menyebarkan hasutan, serta pengaruh negatif dalam era digital yang tiada batasan ini. Setiap individu perlu mengambil cakra tanggungjawab sosial dalam masyarakat dan dapat membezakan antara kritikan yang membina dan penghinaan yang tidak beretika.

Dalam menyampaikan pandangan dan hujah, kita harus mengutamakan etika serta kematangan agar selari dengan kepentingan bersama. Sebarang tindakan atau ucapan yang berkaitan dengan isu 3R (*race, religion, and royalty*) berpotensi mengganggu keharmonian negara dan perlu dielakkan. Prinsip komunikasi dalam masyarakat menekankan kepentingan berkomunikasi secara bijaksana, menyampaikan nasihat dengan cara yang baik, menegur secara berhemah, serta menyuarakan perbezaan pendapat dengan penuh adab dan hormat.

Di Malaysia, sebarang ucapan yang menyentuh isu 3R boleh dikenakan tindakan undang-undang. Di bawah Akta Hasutan 1948, individu yang didapati bersalah boleh dikenakan denda sehingga RM5,000 atau hukuman penjara maksimum tiga tahun, manakala Seksyen 505(b) Kanun Keseksaan memperuntukkan hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda, atau kedua-duanya, bagi kenyataan yang boleh menimbulkan ketakutan dalam masyarakat. Bagi kesalahan yang dilakukan melalui platform digital, Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 menetapkan denda maksimum RM50,000 atau penjara sehingga satu tahun bagi penyebaran kandungan yang menyinggung.

Beberapa insiden melibatkan kurangnya etika segelintir individu yang telah menyalahgunakan kebebasan bersuara dapat dilihat berleluasa pada tahun 2025. Pada 4 Mac 2025, tiga penyampai radio ERA FM telah terbabit dalam sebuah video yang menunjukkan mereka meniru tarian kavadi sambil melaungkan "Ve! ve!" dalam suasana yang dianggap tidak sensitif. Video tersebut dimuat naik di media sosial rasmi stesen radio berkenaan, namun diturunkan selepas menerima kritikan hebat, khususnya daripada penganut agama Hindu yang menganggap tindakan itu sebagai tidak menghormati upacara keagamaan mereka. Susulan kontroversi itu, ketiga-tiga

penyampai terbabit telah membuat permohonan maaf secara terbuka. Pihak Astro Audio juga telah mengambil tindakan dengan menggantung tugas mereka dan menggantikan mereka dengan penyampai radio yang lain. Seramai enam kakitangan radio terbabit telah dipanggil untuk memberi keterangan di Pejabat Unit Siasatan Jenayah Terkelas (USJT), Bukit Aman, bagi membantu siasatan berkaitan insiden tersebut.

Terdahulu pada 18 Januari 2025, pelawak Harith Iskander telah memuat naik satu jenaka di Facebook mengenai "*Ham Sap Kopi*" merujuk kepada isu sandwich ham dan keju yang dikaitkan dengan logo halal tanpa kebenaran. Seorang pengguna Facebook, Cecelia Yap Song KL, meninggalkan komen yang dianggap menghina Islam dan Nabi Muhammad SAW pada hantaran asal yang telah dibuat oleh Harith Iskandar tersebut. Walaupun dimaksudkan sebagai satu bentuk jenaka, hantaran tersebut telah mencetuskan perdebatan hangat dalam kalangan netizen. Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah menjalankan siasatan lanjut dan kedua-dua Harith Iskander dan Cecelia Yap masing-masing telah didenda RM10,000 di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Kontroversi membabitkan pempengaruh media sosial, Imran Bard, dan pelakon serta pengarah, Ellie Suriaty turut menggegarkan Malaysia pada Februari 2025. Imran telah memuat naik video parodi di TikTok yang menyebut nama Ellie dalam cara yang dianggap menyinggung perasaan. Susulan itu, Ellie meluahkan rasa kecewa dan mendakwa bahawa muat naik tersebut telah mencemarkan reputasinya yang telah dibina selama lebih tiga dekad dalam industri seni. Selain meminta Imran memohon maaf secara terbuka, beliau turut menuntut permohonan maaf daripada ibu bapa pempengaruh tersebut. Ellie juga mendedahkan bahawa anak-anaknya menjadi sasaran buli siber akibat insiden berkenaan. Secara keseluruhan, pandangan warga maya terbahagi mengenai isu ini, dengan sebahagian menyokong tindakan tegas Ellie untuk mempertahankan maruahnyanya, manakala segelintir berpendapat bahawa Imran tidak berniat jahat dan isu ini boleh diselesaikan secara damai.

Tahun 2024 juga turut memperlihatkan kontroversi besar tercetus apabila gambar stoking jenama Miranosock yang memaparkan kalimah "ALLAH" tular di media sosial. Insiden memalukan ini turut mendapat perhatian Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim yang menzahirkan rasa kecewa. Baginda menegaskan

kepentingan menjaga sensitiviti agama dalam masyarakat majmuk. Mahkamah Sesyen Shah Alam menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM60,000 setiap satu kepada KK Supermart & Superstore Sdn Bhd (KK Mart) dan syarikat pembekalnya, Xin Jian Chang Sdn Bhd, atas kesalahan melakukan perasaan umat Islam berhubung penjualan stoking terbabit.

Kesimpulannya, kebebasan bersuara adalah tunjang utama dalam masyarakat demokratik, tetapi 'senjata' ini tidak boleh digunakan sewenang-wenangnya tanpa mengambil kira kesannya terhadap orang lain dan masyarakat secara keseluruhan. Dalam dunia yang semakin terhubung melalui media sosial dan teknologi digital, kepantasan penyebaran maklumat menjadikan etika dalam berkomunikasi menjadi aspek utama yang perlu dititikberatkan.

Ucapan yang melampaui batas bukan sahaja boleh menjejaskan keharmonian masyarakat, tetapi juga membawa implikasi undang-undang. Oleh itu, pemahaman tentang batasan kebebasan bersuara, terutamanya dalam konteks negara yang berbilang kaum dan agama, amat penting. Setiap individu harus mengamalkan sikap bertanggungjawab dalam menyuarakan pandangan dengan cara yang membina, beradab, dan menghormati perbezaan.

Secara keseluruhan, kebebasan bersuara seharusnya diperlihara agar menjadi alat untuk memperkukuh keharmonian sosial, bukan untuk mencetuskan perpecahan. Hak ini harus berpaksikan kepada nilai-nilai etika, kematangan dalam berkomunikasi, serta sikap saling menghormati agar manfaat kebebasan ini dapat dinikmati tanpa mencalarakan kesejahteraan dalam masyarakat.

Rujukan:

1. Perlembagaan Persekutuan Malaysia, Perkara 10(1)(a)
2. Akta Hasutan 1948, Seksyen 4(1)
3. Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Seksyen 233
4. Kanun Keseksaan, Seksyen 505(b)
5. Utusan Malaysia. (2025, Mac 4). Ejek tarian kavadi Hindu, Era FM mohon maaf. Utusan Malaysia. <https://www.utusan.com.my/gaya/hiburan/2025/03/ejek-tarian-kavadi-hindu-era-fm-mohon-maaf/>
6. The Rakyat Post. (2025, Januari 27). From Ham Sap Kopi to death threats: Rocky start to 2025 for comedian Harith Iskander. The Rakyat Post. <https://www.therakyatpost.com/news/2025/01/27/from-ham-sap-kopi-to-death-threats-rocky-start-to-2025-for-comedian-harith-iskander/>
7. Oh My Media. (2025, Februari 21). Ellie Suriaty tuntutan permohonan maaf dari Imran Bard. Oh My Media. <https://ohmymedia.cc/ellie-suriaty-tuntut-permohonan-maaf>
8. Kosmo. (2024, Julai 15). Stoking kalimah Allah: KK Mart & Xin Jian didenda RM60,000 setiap satu. Kosmo. <https://www.kosmo.com.my/2024/07/15/stoking-kalimah-allah-kk-mart-xin-jian-didenda-rm60000>